

26/07/2002

MCA akan bincang isu bahasa Inggeris

KUALA LUMPUR, Khamis - Penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dijangka antara isu hangat yang akan dibincangkan pada Perhimpunan Agung MCA ke-49 Sabtu ini.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata isu itu adalah satu daripada lima resolusi utama yang meliputi politik, hal ehwal parti, ekonomi, pendidikan dan sosial.

Beliau berkata, seramai 2,805 perwakilan dari seluruh negara akan menghadiri perhimpunan sehari itu tanpa kehadiran pemerhati sekali lagi kerana kesempitan ruang.

"Jumlah perwakilan itu meningkat lebih 300 berdasarkan kemasukan ahli baru dalam parti sepanjang tahun lalu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, walaupun jumlah perwakilan sudah meningkat tetapi urus setia tidak akan menggunakan perkhidmatan vanguard (pengawal) Pemuda MCA, sebaliknya hanya menempatkan beberapa pegawai keselamatan untuk mengawasi perjalanan keseluruhan perhimpunan itu.

Katanya, beliau yakin perwakilan parti itu akan berdisiplin kerana mereka sudah berpengalaman dan matang.

Berdasarkan atur cara perhimpunan yang diedarkan kepada akhbar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan perhimpunan itu. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga dijadualkan hadir.

Selain itu, 13 pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan veteran MCA turut dijadualkan menghadiri perhimpunan itu yang akan diadakan di Dewan San Choon, Wisma MCA di sini, bermula jam 10 pagi.